

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 10 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2535  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian apabila diminta menimbang untuk mewajibkan pemberian Vaksin Virus Papilloma Manusia (HPV) kepada semua pelajar sekolah dalam usaha mengurangkan kes kanser pangkal rahim seperti yang disarankan oleh Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi salah sebuah hospital di sini.
  
2. PN-1141-L2739  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berkaitan Program Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan di Sabah secara spesifik sejak dasar ini diperkenalkan ia menarik perhatian di kalangan rakyat negeri ini. Banyak masalah di kalangan remaja sedang dihadapi terutama pembabitan golongan remaja dalam najis dadah dan sebagainya. Antara sebabnya ialah kurang terdapat Pusat Sumber Pembangunan Diri yang menepati kehendak golongan ini. Maka sejauh manakah pencapaian program berkenaan dilakukan di negeri Sabah.
  
3. PN-1141-L2748  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pusat-pusat tahanan sementara yang akan dibina di Sabah kelak boleh menampung keperluan dalam usaha menghantar balik pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara asal mereka.
  
4. PN-1141-L2019  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan akan kejayaan Multimedia Super Corridor "MSC" yang diselia oleh Multimedia Development Corporation dari sudut bilangan syarikat yang telah berjaya mendapat status MSC serta dasar Kerajaan di dalam mengembangkan MSC ke seluruh negeri dan bagaimanakah pelaksanaannya serta bentuk insentif yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri.

5. PN-1141-L2364  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar dan pencapaian Kementerian di dalam menggalakkan 'Corporate Social Responsibility' diamalkan bukan saja oleh 'Government Linked Companies' (GLC) tetapi oleh warga korporat yang lain agar dapat membantu negara untuk menzahirkan warganegara yang beretika, bermaruah, bertanggungjawab, peka dengan persekitaran dan prihatin tentang kesejahteraan dan kehendak negara dan rakyat.
6. PN-1141-L2726  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan satu sindiket penipuan menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dikesan cuba menipu orang ramai dengan menawarkan hadiah wang tunai sebagai tarikan untuk mengaut keuntungan. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian dalam mendidik orang ramai agar tidak terpedaya.
7. PN-1141-L2618  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak menyelesaikan masalah sagu hati kepada buruh-buruh paksa 'Landasan Kereta Api Maut Jepun' seperti yang dijanjikan dan apakah masalah besar yang berlaku sehingga nasib mereka terpaksa dipaparkan dalam TV.
8. PN-1141-L2099  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
  - (a) sejauh mana penguatkuasaan Perjanjian Jual Beli (PJB) dalam Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dipatuhi oleh pihak pemaju/penjual khususnya dalam tempoh liabiliti kecacatan terhadap rumah kediaman dan bangunan; dan
  - (b) apakah kelonggaran syarat Perakuan Layak Menduduki (CF) yang dikeluarkan kepada pemaju menjadi antara punca yang menyebabkan pemaju mengambil sikap sambil lewa dalam menyiapkan projek pembinaan rumah kediaman/bangunan.
9. PN-1141-L2186  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menarik pelabur asing untuk melabur di kawasan luar bandar.

10. PN-1141-L2873  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kad kredit palsu mengikut Institusi Kewangan yang telah berjaya dikesan dan ditangkap sindiketnya mengikut pecahan negeri dan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Institusi Kewangan tersebut sehingga April, 2007 serta apakah strategi yang lebih berkesan bagi menangani isu tersebut.
11. PN-1141-L2425  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana peranan pegawai JASA dalam menerangkan Misi Nasional Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9).
12. PN-1141-L2439  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang akan diguna pakai oleh pihak Kementerian bagi memberi impak yang berkesan dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi asas ekonomi negara pada tahun 2007 selepas pertumbuhan ekonomi yang pesat pada tahun 2006 khususnya bagi mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar.
13. PN-1141-L2222  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada wajar tindakan Kementerian untuk memberhentikan guru-guru yang enggan bertukar ke kawasan pedalaman dan perlu mereka membayar ganti rugi atau dilepaskan begitu sahaja.
14. PN-1141-L2196  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kementerian hendak menghalang kehilangan modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi akibat penghijrahan ke negara lain (brain drain) yang merupakan satu trend yang sering dialami oleh negara-negara sedang membangun termasuk juga negara kita, nyata suatu kerugian besar kepada negara setelah Kerajaan berbelanja berbilion-bilion ringgit dalam sistem pendidikan kita untuk mendidik golongan ini.
15. PN-1141-L2475  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana melaksanakan kenyataan Menteri tentang "Ultimate Objective" dalam Laporan Razak sudah tidak sesuai lagi kerana perkembangan pendidikan terkini, dan apakah tindakan selanjutnya.
16. PN-1141-L2242  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bentuk bantuan yang telah dilaksanakan bagi memastikan budaya dan kesenian bangsa orang asli yang menunjukkan identiti Malaysia dapat dipertahankan.

17. PN-1141-L2598  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan punca-punca berlakunya kelewatan dalam sistem memproses instrumen-instrumen seperti pindah milik dan melepaskan gadaian di pejabat-pejabat tanah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
18. PN-1141-L2353  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha dan strategi jangka panjang yang telah dirangka dalam pembangunan kerohanian belia di negara ini.
19. PN-1141-L2643  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah ibu tunggal yang telah mengikuti program-program di bawah penyeliaan Kementerian dan jumlah yang telah berjaya membuka perniagaan sendiri.
20. PN-1141-L2830  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan rancangan ko-kurikulum di dalam memainkan peranan integrasi kaum di antara murid-murid.
21. PN-1141-L2274  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan kes SMS berkaitan tuduhan murtad yang timbul di Perak beberapa waktu yang lalu.
22. PN-1141-L2291  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengawal kemunculan secara mendadak 'skim cepat kaya' melalui e-dagang sekarang ini dan sejauh manakah ketulenan pelaburan melalui Internet ini dan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil kepada mereka yang menjadi dalang terutamanya di kalangan pegawai Kerajaan.
23. PN-1141-L2500  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos yang dibayar oleh Kerajaan untuk menyewa jet dari PMB. Siapakah anggota Kerajaan yang layak menggunakan jet tersebut yang sewanya ditanggung oleh Kerajaan.
24. PN-1141-L2546  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Melayu Malaysia yang telah lulus pengajian mereka dalam jangka masa 5 tahun yang lalu dalam bidang Pengajian Islam sama ada daripada universiti tempatan.

25. PN-1141-L2100  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat ini, sejauh mana berkesannya program Rakan Muda membabitkan perbelanjaan yang besar dalam usaha melahirkan belia-belia yang berwawasan termasuk menerusi Program Belia Niaga yang pernah dilancarkan oleh Kerajaan tidak lama dahulu.
26. PN-1141-L2442  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memantau kawalan keselamatan pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita serta pelajar-pelajarnya khususnya di sekitar kawasan Lembah Kelang setelah berlakunya kes rompakan wang di mesin ATM di Universiti Malaya serta kes penculikan 2 orang pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini.
27. PN-1141-L2710  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan terhadap perladangan kontrak kepada pelabur asing yang tidak dilakukan secara langsung atau 'armslength' di mana pelabur asing tidak hirau tentang kaedah dan cara perladangan yang diusahakan. Adakah Kementerian berusaha bersama Kerajaan Negeri dan Jabatan Parit dan Saliran untuk mencegah perbuatan yang memusnahkan alam semula jadi dan hutan rimba negara kita.
28. PN-1141-L2047  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah peminjam dan jumlah pinjaman IKS yang telah diluluskan kepada usahawanita Pulau Pinang, mengikut kategori dan pecahan jenis perniagaan.
29. PN-1141-L2890  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapat banyak rungutan tentang penglibatan GLC dalam memenangi pencapaian peratusan penglibatan bumiputera baik di dalam dan di luar negara. Apakah langkah yang telah diambil untuk menentukan GLC juga perlu melibatkan diri untuk mencapai misi dan visi negara khususnya menolong bumiputera.
30. PN-1141-L2601  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes mangsa pemberi pinjaman haram (Ah Long) yang dilaporkan dalam tahun 2006 dan apakah tindakan yang akan diambil Kerajaan bagi menangani masalah ini memandangkan aktiviti Ah Long masih berleluasa.
31. PN-1141-L2569  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil yang dilengkapi dengan bilik komputer di seluruh negara.

32. PN-1141-L2570  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pengambilan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang akan ditawarkan pengajian bagi sidang akademik 2007/2008. Dari jumlah pengambilan tersebut berapakah jumlah pelajar India akan ditawarkan bidang pengajian pada sidang akademik yang sama.
33. PN-1141-L2833  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak DBKL untuk mencegah kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur dan apakah persediaan awal yang telah diambil bagi mencegah kejadian tersebut memandangkan apabila hujan lebat turun melebihi 2 jam sering kali berlaku banjir kilat.
34. PN-1141-L2363  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan logiknya kemasukan PTD ke dalam Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan adakah tindakan ini kelak akan mengakibatkan kerugian kepada kenaikan pangkat guru-guru.
35. PN-1141-L2794  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah tempat yang disediakan kepada lepasan STPM dan Matrikulasi bagi kursus perubatan, farmasi pergigian dan kejuruteraan pada sesi 2007/2008 akan datang.
36. PN-1141-L2061  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan merunding semula perjanjian konsesi lebuhraya yang diswastakan agar mewujudkan suatu keadaan yang lebih munasabah.
37. PN-1141-L2135  
**Datuk Chew Yun Ming** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Bank Negara di dalam melindungi pengguna kad kredit daripada dikenakan caj-caj yang tidak munasabah oleh pihak bank.
38. PN-1141-L2185  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula Akta Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri) 1979, supaya dapat memasukkan komponen ammonia sebagai satu punca pencemaran sungai yang sah mengikut undang-undang, memandangkan punca utama pencemaran sungai hari ini adalah dari pencemaran ammonia.

39. PN-1141-L2336  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dengan tepat, bilakah Pusat Sukan Tanah Tinggi Lojing akan dibina memandangkan tanah serta peruntukan telah ada, jadi apakah lagi masalah untuk memulakan pembinaan pusat sukan tersebut.
40. PN-1141-L2691  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dengan adanya sekolah kluster maka ini bermakna rancangan sekolah bestari (smart school) dibatalkan atau kedua-duanya akan dikekalkan.
41. PN-1141-L2884  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan mengapa bagi tempoh 2001-2003 jumlah francais yang berjaya diwujudkan terlalu rendah.
42. PN-1141-L2156  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status perkembangan dan pelaburan di The Beef Valley di Negeri Sembilan dan nama-nama syarikat yang dikenal pasti setakat ini untuk mengambil bahagian dalam rancangan berkenaan.
43. PN-1141-L2733  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pendekatan yang boleh dilakukan oleh Kementerian dalam meringankan beban rakyat dan membantu masalah kemiskinan di mana antara isu besar sedang dihadapi oleh masyarakat luar bandar di Sabah dengan kurangnya kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan keuntungan kepada masyarakat setempat.
44. PN-1141-L2036  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah bertindak memelihara khazanah warisan di negeri Pulau Pinang.
45. PN-1141-L2725  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam menangani masalah pemandu teksi yang mengenakan caj melampau 'mangsa' terutamanya pelancong.
46. PN-1141-L2920  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan meneliti kelulusan projek-projek perumahan di kawasan tanah tinggi yang apabila siap projek tersebut boleh menimbulkan masalah pada penduduk kampung berhampiran seperti banjir bila hari hujan dan akhirnya Kerajaan terpaksa menggunakan duit rakyat bagi membetulkan keadaan.

47. PN-1141-L2324  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memberi peluang kepada guru agama dari Kelantan, Terengganu dan Kedah yang telah lama berkhidmat di negeri-negeri pantai barat termasuk Sabah dan Sarawak untuk balik berkhidmat di negeri sendiri.
48. PN-1141-L2686  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah kriteria-kriteria meritokrasi yang digunakan dalam memberikan lesen-lesen WIMAX kepada empat syarikat baru-baru ini, di mana tiada satu pun dimiliki oleh syarikat bumiputera.
49. PN-1141-L2385  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes penyelesaian yang dikendalikan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) sejak tahun 2004.
50. PN-1141-L2687  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bidang kuasa di antara PBT, Kerajaan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, JPA3 dan RELA dalam menguruskan bencana memandangkan banyak NGO dan korporat yang tidak dipantau dan mangsa-mangsa banjir mengalami trauma mental dan fizikal.
51. PN-1141-L2386  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah pelajar dan kursus yang diambil oleh anak peneroka Felda yang belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara sekarang.
52. PN-1141-L2622  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian meluluskan kepada kolej-kolej swasta untuk menjalankan kursus matrikulasi Kerajaan; dan
  - (b) adakah pelajar-pelajar matrikulasi dari kolej swasta ini layak memohon tempat untuk universiti awam sama seperti pelajar-pelajar matrikulasi Kerajaan.

53. PN-1141-L2625  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik pendaftaran perkahwinan mengikut kaum bagi lima tahun kebelakangan ini; dan
  - (b) statistik perceraian mengikut kaum bagi lima tahun kebelakangan ini.
54. PN-1141-L2499  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah peruntukan persekutuan kepada Pusat Pelancongan Negeri. Berapakah bilangan pelancong pada tahun 2006 dan apakah pintu masuk utama pelancong ke dalam negara. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan kemasukan pelancong pada suku pertama 2007 dan adakah ia menepati sasaran.
55. PN-1141-L2123  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kaedah untuk mengatasi masalah kekurangan pakar kardiologi dan apakah 'waiting-period', bagi pesakit sakit jantung sebelum dapat dibedah memandangkan terdapatnya kekurangan pakar kardiologi.
56. PN-1141-L2294  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah Kementerian lambat bertindak terhadap segala pendedahan yang dibuat oleh media massa khususnya televisyen terhadap isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan apakah pendedahan tersebut wajar dan Kementerian menerimanya secara terbuka sebagai sumber pengaduan awam.
57. PN-1141-L2239  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk kajian atau latihan yang telah dikenal pasti bagi menyejajarkan bantuan kritikal apabila berlakunya krisis seperti tsunami memandangkan masa menyelamatkan yang begitu singkat terutama kawasan penempatan yang terletak di tepi pantai.
58. PN-1141-L2473  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dalam proses Malaysia menjadi negara maju, berapakah peruntukan bagi pendidikan khas dalam RMK-9 kekuatan, kelemahan dan cabaran-cabaran utama pendidikan khas Malaysia secara perbandingan atau "benchmarking" dengan negara maju.

59. PN-1141-L2229  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan industri sarang burung walit (swiftlet) semakin berkembang di negara ini, apakah dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian untuk memastikan pembangunan industri ini dengan cara yang lebih baik.
60. PN-1141-L2855  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah dengan penubuhan sekolah kluster di seluruh negara tidak akan menimbulkan jurang perbezaan di antara sekolah kluster dengan sekolah-sekolah biasa yang lain.
61. PN-1141-L2526  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah penglibatan, bidang kuasa, peruntukan kewangan dan pelan strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di seluruh negara terhadap orang Islam dalam mencegah kes melibatkan jenayah seksual dan seks tanpa nikah di dalam negara; dan
  - (b) peratusan serta kayu ukur yang diguna pakai untuk mengkaji natijah dari pelan yang dijalankan tersebut.
62. PN-1141-L2791  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah peruntukan dan jenis bantuan yang disalurkan oleh pihak Kerajaan bagi memajukan dan mempromosikan Program Homestay di negara ini; dan
  - (b) pecahan peruntukan bagi program ini untuk tahun 2005, 2006 dan 2007.
63. PN-1141-L2402  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk mengkaji semula kadar pencen bekas anggota Kerajaan memandangkan cabaran untuk menyara hidup semakin membebankan.
64. PN-1141-L2790  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status paras rasuah negara selepas penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM).
65. PN-1141-L2086  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasionalnya membina masjid khusus untuk orang-orang Islam berketurunan cina dan tidakkah rancangan ini boleh menjejaskan perpaduan kaum yang kita bina selama ini.

66. PN-1141-L2225  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan sukatan dan ujian PTK yang bersifat "exam-oriented" dapat membentuk minda serta keperibadian kakitangan awam agar menepati ciri-ciri minda kelas pertama dan mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan.
67. PN-1141-L2793  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan masalah serta tindakan Kementerian berhubung masalah para belia terutamanya berkaitan rempit, masalah sosial dan masalah pengurusan kewangan di kalangan belia.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh YB Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [9 Mei 2007]**

2.	(D.R. 25/2006)	Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3.	(D.R. 44/2006)	Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006	“
4.	(D.R. 5/2007)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	“
5.	(D.R. 27/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006	“
6.	(D.R. 28/2006)	Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006	“
7.	(D.R. 38/2006)	Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006	“
8.	(D.R. 37/2006)	Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006	“
9.	(D.R. 36/2006)	Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006	“

10. PN-1141-U2092

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

11. PN-1141-U2323

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensis pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

12. PN-1141-U2325

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

13. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

14. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.32	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.36	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Perintah Universiti Malaysia Kelantan (Pemerbadanan) 2006	10 Mei 2007
ST.37	Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Perintah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Pemerbadanan) 2006	10 Mei 2007
ST.72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.73	Laporan Tahunan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2005	10 Mei 2007
ST.74	Laporan Tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Bagi Tahun 2005	10 Mei 2007

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.75	Laporan Tahunan Lembaga Elektrik Sabah Bagi Tahun 2005	10 Mei 2007
ST.78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.121	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007
ST.122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Mei 2007